

**AMALAN TERBAIK BERKOLABORASI IBU BAPA DI SEKOLAH PROGRAM  
PENDIDIKAN INKLUSIF DARI PERSPEKTIF PEMIMPIN SEKOLAH  
DI NEGERI MELAKA**

<sup>a</sup>Wong Jit Hoe  
<sup>b</sup>Wong Siew Fang

<sup>a</sup>Institut Aminuddin Baki  
<sup>b</sup>Universiti Teknologi Malaysia

<sup>a</sup>wongjithoe@iab.edu.my  
<sup>b</sup>siewfangwong@yahoo.com

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan bagi meninjau proses berkolaborasi ibu bapa di sekolah menengah Program Pendidikan khas inklusif Integasi (PPKI) terhadap amalan pendidikan inklusif di Negeri Melaka. Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan gabungan model tipologi enam jenis penglibatan oleh Epstein dan faktor kejayaan berkolaborasi oleh Cook dan Friend. Reka bentuk kajian menggabungkan kaedah kajian kes (temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen) dan tinjauan (soal-selidik). Soal selidik diadaptasi daripada instrumen pengukuran kolaborasi ibu bapa Epstein untuk menilai tahap kerjasama pemimpin sekolah dan ibu bapa berdasarkan aktiviti kolaborasi. Pendidikan Inklusif ini telah dibincangkan secara menyeluruh di peringkat antarabangsa mahupun di dalam Malaysia kerana ia telah berjaya mencapai perubahan yang lebih mantap. Melalui kaedah persampelan secara rawak berkelompok peserta kajian kuantitatif melibatkan sejumlah 900 responden terdiri daripada pemimpin sekolah daripada 30 buah sekolah program integrasi pendidikan khas inklusif di Negeri Melaka. Manakala kajian kes ini terdiri daripada 20 orang pemimpin sekolah, 12 orang ibu bapa dan 4 orang wakil komuniti daripada yang dipilih berdasarkan persampelan rawak berlapis. Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi ibu bapa dan pemimpin sekolah adalah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun didapati tiga buah sekolah berjaya memperoleh pencapaian berkolaborasi yang sangat tinggi dan aktiviti komunikasi menjadi aktiviti dominan. Manakala data kualitatif pula telah menghasilkan lima tema utama yang menerangkan faktor kejayaan sekolah memperoleh tahap berkolaborasi tinggi dan juga merupakan amalan terbaik berkolaborasi di sekolah PPKI. Objektif kajian ini ialah komitmen peribadi pemimpin sekolah yang merupakan punca dominan dan diikuti dengan penyelesaian pelbagai masalah dan memberikan ransangan yang kuat dalam usaha meningkatkan amalan berkolaborasi sekolah PPKI di Melaka mahupun di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga mengesahkan dapatan kajian lepas bahawa persepsi yang positif daripada pemimpin sekolah terhadap amalan pendidikan inklusif adalah faktor utama bagi menyumbang ke arah kejayaan pelajar pendidikan khas inklusif. Hasil kajian ini mencadangkan agar pihak-pihak terlibat mengukuhkan dan memantapkan amalan pendidikan inklusif supaya pemimpin sekolah dapat mengetahui peranan dan kepentingan penglibatannya dalam membantu pelajar pendidikan khas inklusif supaya mereka menjadi seorang yang berguna dan berjaya pada masa hadapan.

**Kata kunci:** berkolaborasi ibu bapa, pendidikan khas inklusif, perspektif pemimpin sekolah.

## PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah proaktif dengan menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025 sebagai usaha mencapai aspirasi yang mantap dalam persaingan dunia yang begitu hebat untuk mencapai Wawasan 2020 (Mahathir 2012). Dalam hal ini, Perbincangan mengenai penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak telah didokumenkan dalam banyak literatur semenjak tiga dekad yang lalu. Kajiannya masih giat dijalankan sehingga ke hari ini. Ini adalah kerana penglibatan ibu bapa merupakan komponen penting dan sumber semula jadi untuk menyokong pencapaian Murid-murid (Christenson & Sheridan 2001). Di samping itu, penglibatan ibu bapa juga merupakan strategi penting untuk memperkembangkan kualiti pendidikan (Driessen, Smit & Slegers 2005). Penekanan konsep kolaborasi dalam pendidikan Murid-murid berkeperluan khas sangat dititikberatkan kerana ibu bapa merupakan sumber informasi yang sangat penting. Ibu bapa merupakan individu yang mempunyai banyak informasi tentang latar belakang dan ciri ketidakupayaan anak (Shore 2001). Oleh itu, proses berkolaborasi ibu bapa dalam pendidikan khas inklusif memainkan peranan yang penting.

## PERNYATAAN MASALAH

Zaid (Zaid Al-Shammari. 2008) mengatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan Murid-murid berkeperluan khas di negara ini dinyatakan dalam dasar negara. Dasar yang sama juga diamalkan di United Kingdom (Lindsay & Dockrell 2004), dan Turki (Ibrahim 2006). Prinsip yang terkandung dalam *The Individual of Disabilities Education Act (IDEA)* dan akta yang seumpamanya jelas menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai hak untuk merancang, menilai dan membuat keputusan ke atas pendidikan anak (Hal lahan & Kaufman 2003). Kajian kes ini perlu dilakukan kerana Murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif merupakan majoriti program pendidikan khas inklusif di sekolah bantuan kerajaan. Kajian terdahulu juga secara konsisten membuktikan bahawa tahap penglibatan ibu bapa berkurang mengikut usia dan tahun persekolahan anak, struktur sekolah dan transisi sekolah (Grolnick, Kurowski, Dunlap, & Hevey, 2000; Grolnick, & Slowiaczek 1994). Sehubungan itu, pengkaji mengambil beberapa variasi penglibatan ibu bapa untuk dikaji. Maka fokus diberikan kepada empat dimensi penglibatan iaitu i) penglibatan awal, ii) penglibatan mengikut konteks kehidupan, iii) amalan penglibatan di rumah dan

di sekolah, dan iv) kesan positif penglibatan ke atas anak dan kesan ke atas pemimpin sekolah.

## Tujuan Kajian

Kajian ini meneroka pengalaman penglibatan aktif ibu bapa dalam pendidikan anak bermasalah pembelajaran inklusif. Berdasarkan penerokaan ini, proses penglibatan ibu bapa yang berlaku semenjak dari pendidikan awal anak sehingga pendidikan terkini. Penglibatan ibu bapa yang dilaksanakan merupakan usaha untuk membantu anak mencapai kesan positif. Disamping itu kajian ini juga bertujuan mengkaji kesan amalan penglibatan ibu bapa di sekolah ke atas pemimpin sekolah.

## Kerangka Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina berasaskan rujukan dua model penglibatan ibu bapa. Model tersebut adalah i) Model Penglibatan ibu bapa oleh Epstein (1992, 2001); ii) Model Proses Penglibatan Ibu bapa oleh Hoover-Dempsey dan Sandler (1997, 2005), penglibatan mengikut konteks kehidupan; iii) amalan penglibatan di rumah dan di sekolah; dan iv) kesan positif penglibatan ke atas anak dan kesan ke atas pemimpin sekolah.

## Rasional Kajian

Secara rasionalnya kajian ini perlu dilakukan disebabkan:

- a. Murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif boleh dilatih dan dididik untuk memperkembangkan keupayaan dalam akademik, kemahiran hidup dan sosialisasi.
- b. Tuntutan kemanusiaan dan ketamadunan terhadap pendidikan tanpa prejudis kepada pelajar berkeperluan khas seperti bermasalah pembelajaran inklusif.
- c. Sekolah, keluarga dan komuniti menyediakan pengaruh sfera secara bertindih (Epstein 2001) ke atas tingkah laku, perkembangan dan pencapaian anak.
- e. Penglibatan aktif ibu bapa dalam pendidikan anak dapat meningkatkan komunikasi dan kolaborasi positif dalam kalangan semua yang terlibat dalam kumpulan pendidikan.

## SOROTAN LITERATUR

### Penglibatan Ibu Bapa

Istilah penglibatan ibu bapa digunakan secara meluas dalam banyak penulisan. Pelbagai definisi operasi penglibatan ibu bapa diketengahkan oleh pengkaji terdahulu, pelaksana dasar dan pembuat dasar berdasarkan konstruk kajian yang pelbagai dimensi (Fan &

Chen, 2001). Istilah lain yang sinonim dengan penglibatan ibu bapa adalah rakan kongsi, penyertaan ibu bapa, kuasa ibu bapa dan rakan kongsi sekolah, rumah dan komuniti (Epstein 2002). Coyote (2007) mendefinisi penglibatan ibu bapa sebagai penyertaan ibu bapa dalam kedua-dua pendidikan formal dan tidak formal anak. Bagi Chang (2005) penglibatan boleh terdiri samada kualiti dan kuantiti psikologikal dan aktiviti fizikal terhadap pengalaman seseorang. Penglibatan ibu bapa dalam konteks kajian ini merujuk kepada penglibatan aktif ibu bapa dalam proses pendidikan anak. Ia didefinisi sebagai aktiviti yang melibatkan ibu bapa dalam proses pendidikan anak semenjak dari awal kehidupan anak sehingga pendidikan terkini. Penyertaan ibu bapa dilakukan secara aktif dan integrasi bertujuan membantu anak mencapai kesan positif.

#### **Perspektif Pemimpin Sekolah**

Istilah pemimpin sekolah merujuk kepada pengetua. Definisi pengetua merujuk kepada ketua sekolah yang dikenal pasti terlibat secara aktif dalam pendidikan anak bermasalah pembelajaran inklusifnya di sekolah. Kajian ini mengkaji proses penglibatan ibu bapa dari perspektif pemimpin sekolah. Ini adalah kerana pemimpin sekolah bertanggungjawab dan bijak bersedia melaksanakan peranan utama mereka sebagai pemimpin di sekolah. Idea setiap pemimpin sekolah pula akan mempengaruhi cara mereka merangka interaksi dengan anak murid dan ibu bapa. Kesemua aspek ini adalah peranan pengetua secara keseluruhannya bagi menjamin keberkesanan sekolah

#### **Murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif**

Murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif adalah murid-murid yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh profesional perubatan mengalami kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran (Kementerian Pelajaran 1990). Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsi Murid-murid dalam kebolehan yang berikut:

- a) kebolehan kognitif
- b) perkembangan sosial
- c) penguasaan bahasa lisan
- d) penguasaan membaca
- e) kemahiran perkembangan
- f) kemahiran matematik

Murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif dalam kajian ini merujuk kepada Murid-murid yang sedang mengikuti program integrasi pendidikan khas inklusif di sekolah menengah

aliran perdana. Program yang diikuti sama ada dalam kelas khas atau kelas inklusif.

#### **Konteks Kehidupan**

Dimensi konteks kehidupan yang terdapat dalam Model Hoover-Dempsey dan Sandler (1997, 2005) berkaitan pendidikan, sosioekonomi dan masa ibu bapa. Bagi Coats (1998), tahap pendidikan dan sosioekonomi merupakan sumber keluarga yang didefinisi sebagai ukuran komposit yang mempunyai perkaitan dengan penglibatan ibu bapa. Faktor masa dilihat sebagai sumber yang berasingan. Kajian terdahulu menetapkan ukuran kelas sosial atau status sosioekonomi sebagai jenis pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa (Dushek 2001). Ukuran kelas sosial dan status sosioekonomi itu mempunyai perkaitan positif dengan tahap penglibatan ibu bapa (Desforges & Aouchaar 2003). Shahrul Arba'iah (2007) mendefinisi sumber keluarga sebagai tahap pendidikan, pekerjaan ibu bapa dan status sosioekonomi ibu bapa. Sumber keluarga yang dilihat oleh Shahrul Arba'iah sebagai sumber komposit yang dapat menyumbang kepada kecemerlangan Murid-murid pekak. Definisi konteks kehidupan dalam kajian ini adalah aktiviti ibu bapa dalam proses pendidikan anak dilaksanakan mengikut konteks masa dan sumber keluarga (pendidikan dan sosioekonomi) ibu bapa.

#### **Amalan Di Rumah Dan Di Sekolah**

Penglibatan ibu bapa merupakan suatu proses kompleks yang berlaku sehingga merentasi sempadan geografi. Pengkaji terdahulu sering mencirikan penglibatan kepada dua jenis iaitu berasaskan rumah dan berasaskan sekolah (Christenson & Sheridan, 2001). Kedua-dua jenis penglibatan tersebut dikenal pasti berdasarkan tingkah laku ibu bapa dalam aktiviti pendidikan anak semasa di rumah dan di sekolah (Epstein 1992, 2001; Hoover- Dempsey & Sandler 1997, 2005). Contoh aktiviti yang melibatkan ibu bapa di sekolah termasuklah menghadiri perundingan dan perbincangan ibu bapa dengan pemimpin sekolah, menyertai jawatankuasa sekolah, menyertai aktiviti anjuran sekolah dan menghadiri mesyuarat pembinaan Rancangan Pendidikan Individu. Aktiviti berasaskan rumah termasuklah membaca untuk anak, mengadakan perbincangan tentang aktiviti sekolah dengan anak, mengajar kemahiran urus diri, menjalankan aktiviti terapi dan lain-lain. Kedua-dua bentuk penglibatan ibu bapa itu mempunyai hubungan secara terus untuk memperbaiki fungsi memberi kesan kepada emosi dan kerjaya pemimpin sekolah. Kesan ke atas pemimpin sekolah juga merangkumi tindakan yang

diambil berkaitan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah pada masa sekarang.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian kes sering diguna untuk mengkaji pengalaman ibu bapa berkaitan dengan kehidupan (Cavkaytar 2007; Fox et al. 2002; Scorgie et al. 2008) dan pendidikan anak berkeperluan khas (Lai & Ishiyama 2004). Krausz & Mezaros (2005) dan Shahrul Arba'iah (2007) pula menggunakan kajian kes secara retrospektif untuk mengimbas pengalaman lalu ibu bapa mendidik anak berkeperluan khas sehingga berjaya. Hasil kajian tersebut memperlihatkan pengalaman unik dan strategi yang boleh dipelajari dan dijadikan model. Kajian tersebut juga telah memberi inspirasi kepada pengkaji untuk mengguna reka bentuk kajian kes bagi menyiasat pengalaman penglibatan aktif ibu bapa dalam konteks kehidupan yang sebenar (Merriam 2001).

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes untuk meneroka pengalaman penglibatan aktif ibu bapa dalam proses pendidikan anak. Kajian kes ini juga menggunakan pendekatan kajian retrospektif untuk mengkaji dimensi penglibatan awal ibu bapa. Penulisan mengenai kajian retrospektif tidak terdapat dalam bahan bacaan berkaitan Metodologi Penyelidikan Sains Sosial (Bogdan & Biklen 2007; Maxwell 2005). Ini adalah kerana kajian retrospektif banyak diguna dalam bidang perubatan untuk mengenal pasti bagaimana sesuatu serangan penyakit atau wabak boleh berlaku (Cynthia 2008; Hepburn, Vos, Fillman & Lawitz 2005; Richard, Hongyan, & Yitzchak, liana, Rene & Alan 2007). Persatuan Psikologi Amerika (2008) mendefinisi kajian retrospektif sebagai kajian longitudinal untuk memahami pengalaman atau peristiwa lalu bagi mengkaji faktor yang menyebabkan penyakit atau tingkah laku. Kaedah pengumpulan data yang diguna dalam kajian retrospektif adalah secara analisis rekod perubatan pesakit dan temu bual retrospektif.

Dalam bidang sains sosial seperti pendidikan khas inklusif, kajian retrospektif telah diguna untuk mengimbas pengalaman lalu individu terhadap kes yang dikaji dimana pengalaman lalu itu berkaitan dengan pengalaman yang dikaji pada masa sekarang (Krausz & Mezaros 2005; Miedel & Reynolds 2000; Shahrul Arba'iah 2007). Bagi konteks kajian ini, kajian retrospektif diguna untuk mengimbas pengalaman lalu ibu bapa mula melibatkan diri dalam pendidikan awal anak. Skop kajian retrospektif adalah penglibatan ibu bapa semenjak dari awal kehidupan anak sehingga

intervensi awal. Dimensi penglibatan awal merupakan kesinambungan penglibatan ibu bapa pada masa kini.

## Model Penglibatan Ibu bapa Epstein

Model penglibatan ibu bapa oleh Epstein menggabungkan perspektif psikologi, sosiologi dan pendidikan ke atas institusi sosial bagi menerangkan dan menjelaskan perhubungan antara ibu bapa, sekolah dan persekitaran tempatan dalam bentuk integrasi. Untuk melaksanakannya, tiga institusi sosial iaitu keluarga, sekolah dan komuniti tempatan boleh mempengaruhi pendidikan dan sosialisasi seorang Murid-murid. Teori tersebut mengandaikan bahawa objektif ketiga-tiga institusi itu menyokong perkembangan dan persekolahan anak yang dikongsi melalui komunikasi dan kerjasama. Epstein melihat tiga institusi tersebut sebagai sfera yang saling mempengaruhi dimana darjah pertindihannya boleh menjadi semakin besar atau kecil.

Berdasarkan kajian empirikal, Epstein (1992, 2001) membezakan enam jenis penglibatan ibu bapa melalui hubungan kerjasama yang berbeza antara sekolah, ibu bapa dan komuniti. Enam jenis penglibatan yang dikenal pasti adalah i) kewajiban asas ibu bapa, ii) komunikasi, iii) sukarela, iv) pembelajaran di rumah, v) pembuatan keputusan, dan iv) kolaborasi dalam komuniti. Setiap jenis penglibatan ibu bapa diterangkan seperti berikut.

## DAPATAN KAJIAN

Kandungan awal bab ini menerangkan profil demografi peserta kajian. Bab ini seterusnya menghurai dapatan kajian mengikut persoalan kajian. Dapatan kajian dihurai secara terperinci berdasarkan tema yang muncul dari perspektif ibu bapa dan pemimpin sekolah. Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk naratif. Laporan dapatan juga mengandungi rajah dan jadual bertujuan untuk meringkaskan dapatan kajian. Sumber data kajian ini diperoleh daripada peserta kajian yang terdiri daripada ibu bapa dan pemimpin sekolah.

Profil demografi peserta kajian bertujuan memberi gambaran secara jelas latar belakang enam orang ibu bapa dan lima orang pemimpin sekolah yang terlibat. Maklumat secara terperinci demografi ibu bapa merupakan informasi berguna semasa membuat huraian dan perbandingan penglibatan ibu bapa merentasi kes. Maklumat demografi pemimpin sekolah dinyatakan secara ringkas untuk tujuan makluman. Kajian ini mengekalkan kerahsiaan maklumat peserta kajian dengan cara tidak mengetengahkan nama sebenar mereka. Ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini diberi nama panggilan sebagai ibu 1, hingga ibu 12. Peserta

kajian dari kalangan pemimpin sekolah pula diberi nama panggilan sebagai pemimpin sekolah 1 hingga 20. Kajian ini meneroka pengalaman penglibatan aktif 12 orang ibu dalam pendidikan anak bermasalah pembelajaran inklusif.

Profil demografi ibu bapa memperlihatkan tahap pendidikan dan sosio ekonomi adalah pelbagai julat iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Empat tema muncul dari perspektif ibu bapa mengenai pengalaman penglibatannya iaitu i) impak ketidakupayaan ke atas ibu bapa, ii) konteks kehidupan mempengaruhi, iii) amalan membantu, dan iv) kesan positif anak.

Selain daripada mengkaji proses penglibatan ibu bapa yang berlaku, kajian ini juga mengkaji kesan amalan penglibatan ibu bapa di sekolah ke atas pemimpin sekolah. Sumber maklumat diperoleh daripada lima orang pemimpin sekolah. Dapatan kajian menemui satu tema yang muncul hasil interaksi pemimpin sekolah dengan ibu bapa semasa di sekolah iaitu tindakan perubahan.

#### **Limitasi Kajian**

Kajian ini mempunyai limitasi bagi tujuan menghadkan perluasan kajian. Limitasi kajian membolehkan pengkaji memberi fokus kepada pelaksanaan skop kajian mengikut kerangka konsepstual kajian yang telah ditetapkan. Berikut adalah beberapa pendekatan dan dinyatakan sebagai limitasi kajian

- i. Sesuatu kajian yang berkesan perlu dijalankan secara holistik melalui pelbagai persepektif. Penglibatan ibu bapa yang dikaji ini adalah dari perspektif ibu bapa dan pemimpin sekolah. Kajian ini tidak melibatkan perspektif murid-murid kerana mereka yang bermasalah pembelajaran inklusif mempunyai ciri ketidakupayaan yang membataskan perolehan maklumat yang dikehendaki.
- ii. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kes menggunakan persampelan bertujuan. Perolehan data dari duabelas orang ibu bapa dan dua puluh orang pemimpin sekolah sebagai peserta kajian dianggap mempunyai keupayaan untuk mencapai objektif kajian, menjawab persoalan kajian, berlakunya penepuan data (Lincoln & Guba 1985).
- iii. Kajian ini dilaksanakan di sekitar negeri Melaka berdasarkan justifikasi yang telah dibuat. Ia dilakukan bagi tujuan memahami pengalaman penglibatan aktif ibu bapa dalam pendidikan anak. Dapatan kajian bukan untuk digeneralisasikan.

iv. Kajian ini melibatkan ibu bapa yang mempunyai anak masalah pembelajaran yang sedang mengikuti program pendidikan khas inklusif integrasi sekolah menengah bantuan kerajaan. Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasi kepada semua ibu bapa lain yang menunjukkan penglibatan secara aktif dalam pendidikan anak di pusat pendidikan yang dikendali oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

- v. Kajian ini melihat hasil kepada proses penglibatan ibu bapa yang berlaku melalui kesan positif ke atas anak dan kesan ke atas pemimpin sekolah. Dimensi kesan penglibatan ke atas ibu bapa tidak termasuk dalam kajian ini dan boleh dilaksanakan dalam kajian lanjutan. Ibu bapa mempunyai peranan penting untuk membantu anak dalam pendidikan. Kajian ini berfokus kepada murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif kerana mereka mempunyai ciri ketidakupayaan yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Penglibatan ibu bapa merupakan strategi yang boleh membantu murid-murid tersebut mencapai kesan positif. Tambahan lagi, Murid-murid tersebut merupakan murid-murid majoriti program pendidikan khas inklusif di seluruh sekolah menengah dan menengah bantuan kerajaan.

Dasar pelajaran negara menggalakan penglibatan ibu bapa. Namun begitu terdapat pelbagai faktor yang boleh memberi cabaran kepada ibu bapa untuk terlibat secara aktif. Sehubungan itu kajian ini dilakukan untuk meneroka pengalaman ibu bapa yang terlibat secara aktif dalam proses pendidikan anak bermasalah pembelajaran inklusif. Kajian ini mengkaji proses penglibatan ibu bapa yang berlaku berdasarkan empat dimensi penglibatan iaitu i) penglibatan awal, ii) penglibatan mengikut konteks kehidupan, iii) amalan ibu bapa di rumah dan di sekolah, dan iv) kesan positif penglibatan ke atas anak dan kesan ke atas pemimpin sekolah.

Kerangka konsepstual kajian ini dibina berasaskan rujukan Model penglibatan ibu bapa Epstein dan Model proses penglibatan ibu bapa Hoover-Dempsey dan Sandier. Istilah yang terdapat dalam kerangka konsepstual didefinisi dan diperjelaskan mengikut konteks kajian ini. Limitasi kajian yang disenaraikan dapat memberi gambaran kepada had pelaksanaan kajian.

#### **RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Penglibatan peserta kajian dalam aktiviti sekolah menunjukkan mereka memberi sokongan kepada aktiviti yang dianjurkan oleh

pihak sekolah. Bentuk sokongan yang dikenal pasti adalah perkongsian idea, sumbangan kewangan, tenaga dan peralatan. Penglibatannya dalam aktiviti persatuan memperlihatkan peranannya dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan polisi sekolah. Namun begitu terdapat juga peserta kajian yang tidak berminat menyertai aktiviti yang berbentuk mesyuarat.

Dapatan kajian ini juga memperlihatkan amalan komunikasi peserta kajian telah menghasilkan satu bentuk komunikasi tiga hala. Komunikasi tiga hala didasari oleh tiga bentuk komunikasi dua hala yang wujud antara ibu bapa, anak dan pemimpin sekolah. Peserta kajian menggabungkan kaedah komunikasi semasa berinteraksi dengan anak iaitu secara lisan, bahasa badan dan bahasa isyarat makaton. Interaksi dengan menggunakan pelbagai bahasa dapat membantu anak meningkatkan kemahiran sosial dalam masyarakat yang pelbagai bangsa. Kajian juga mendapati semua peserta kajian mewujudkan interaksi berkesan dengan pemimpin sekolah di rumah atau di sekolah. Komunikasi dua hala yang wujud antara ibu bapa dengan pemimpin sekolah berlaku samada melalui telefon, fail pembelajaran anak atau secara bersemuka di sekolah. Bentuk komunikasi yang diperhati bukan sahaja secara lisan tetapi juga bahasa badan seperti senyuman dan mengangkat tangan dalam mewujudkan kerjasama sosial. Seperti yang dibuktikan dalam literatur, ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas memerlukan sokongan sosial dari orang lain. Kajian ini mendapati kesemua peserta kajian mewujudkan kerjasama sosial seperti sokongan majikan, sokongan suami atau isteri dan sokongan ahli keluarga.

Limitasi kajian ini adalah dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kerana dua sebab iaitu i) kajian ini dilakukan bagi tujuan memahami pengalaman ibu bapa terlibat secara aktif dalam proses pendidikan anak, dan ii) bilangan peserta kajian adalah kecil. Bagi tujuan penambahbaikan kajian yang dilakukan ini, cadangan berikut boleh diambil perhatian sebagai kajian lanjutan.

a. Kajian ini melibatkan penerokaan pengalaman ibu bapa yang terlibat secara aktif dalam pendidikan murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif di kawasan bandar Melaka dan kawasan luar bandar.

b. Rancangan Pendidikan Individu merupakan salah satu aktiviti yang melibatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak di sekolah. Namun demikian, kajian ini tidak memberi fokus kepada elemen tersebut. Adalah lebih menarik jika kajian lanjutan yang dilakukan dengan memberi fokus kepada pembinaan RPI. Permasalahan, kebaikan dan

keberkesanan RPI mungkin boleh dikenal pasti melalui kajian penglibatan dalam RPI itu.

Terdapat pelbagai definisi penglibatan ibu bapa yang dinyatakan dalam literatur. Adalah lebih baik jika kajian lanjutan yang sama yang ingin dijalankan menambah satu lagi konstruk iaitu dimensi definisi penglibatan ibu bapa. Penambahan dimensi definisi itu boleh dilihat bukan sahaja dari perspektif ibu bapa tetapi juga dari perspektif pemimpin sekolah, pentadbir sekolah, NGO, profesional perubatan dan pentadbir negeri. Dapatan kajian mungkin memberi implikasi yang lebih baik kepada pembuat dasar.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan murid-murid berkeperluan khas merupakan satu amalan baik yang boleh membantu anak memperoleh pencapaian positif dalam akademik, kemahiran, sosialisasi, komunikasi dan tingkan laku. Disamping itu, amalan penglibatan itu juga memberi impak kepada ibu bapa itu sendiri, pemimpin sekolah dan sekolah. Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan kesan penglibatan ibu bapa ke atas anak dan pemimpin sekolah. Kesan penglibatan ibu bapa ke atas ibu bapa boleh dikenal pasti melalui kajian lanjutan.

## KESIMPULAN

Penglibatan ibu bapa dilihat sebagai satu mekanisma untuk merangsang kepada sesuatu pencapaian, membina kerjasama dengan sekolah dalam komuniti setempat dan menggalakan penyertaan sosial. Kajian ini melihat penglibatan ibu bapa sebagai satu amalan terbaik yang boleh membantu murid-murid bermasalah pembelajaran inklusif memperoleh pencapaian positif dalam akademik dan kehidupan. Kajian ini mendapati peranan dan tanggungjawab ibu bapa adalah penting dalam menentukan arah tuju anak bermasalah pembelajaran inklusif pada masa hadapan. Ibu bapa yang menunjukkan sikap proaktif dalam pendidikan anak akan sentiasa berusaha memberi pendidikan terbaik kepada anak untuk mencapai kesan jangka panjang yang diharapkan. Ibu bapa yang menunjukkan penglibatan secara aktif dalam pendidikan anak seperti dalam kajian ini membuktikan kebertanggungjawaban mereka ke atas anak masing-masing. Jika kesedaran sedemikian boleh diwujudkan pada semua ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah pembelajaran inklusif, konsep kolaborasi antara ibu bapa dengan pemimpin sekolah dapat diamalkan dalam sistem pendidikan dengan baik, berkesan dan bermakna. Oleh yang demikian, Pihak Institut Aminudin Baki sebagai Institut latihan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dipertanggungjawab dalam pelaksanaan anjakan ke-5 dalam PPPM bagi menghasilkan

pemimpin yang berkualiti perlu membuat penambahbaikan terhadap kurikulum latihan kepengetahuan dengan menekankan kemahiran dalam aspek mewujudkan budaya organisasi sekolah yang positif, membangunkan organisasi pembelajaran dan amalan pemimpin di sekolah terutamanya di dalam pendidikan khas inklusif.

#### RUJUKAN

Abdul Samad Seron. 1999. Kepimpinan pengetiia dalam penpemimpin sekolahsian pembangunan pelajar. Satu kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang. Kertas Projek. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Hassan, S. & Gardner, R. 2002. Involving immigrant parents of students with disabilities in the educational process. *Teaching Exceptional Children*. 34(5):52- 58.

Allen, D.A. & Hudd, D.A. 1987. Are we professionalizing parents? Weighing the benefits dan pitfalls. *Mental Retardation*. 25: 133-139.

Aliza Alias & Norshidah Mohd Salleh. 2004. Sokongan Ibu bapa dan pemimpin sekolah terhadap pendidikan Murid-murid berkeperluan khas. Prosiding Seminar Kebangsaan: Pendidikan Awal dan Pendidikan khas inklusif inklusif Murid-murid, him. 281 -291.

Arksey, H. & Knight, P. 1999. *Interviewing for Social Scientists*. London: SAGE Publications.

Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A. & Sorensen, C. 2006. *Introduction to Research in Education*. 7th ed. USA: Thomson Wadsworth.

Auxter, D. Pyfer, J. & Huetig, C. 1997. *Adapted physical education and recreation*. 8th d. St. Louis: Mosby.

Bailey, L.B. 2006. Interactive homework: A tool for fostering parent-child interactions and improving learning outcomes for ar-risk young children. *Early Childhood Education Journal* 34(2): 155-165.

Bailey, D., Scarborough, A. & Hebbeler, K. 2003. Families' first experience with early intervention: National early intervention longitudinal study. [http://www.Sri.Com/neils/FE\\_Report.pdf](http://www.Sri.Com/neils/FE_Report.pdf) [4 Ogos 2008].

Jabatan Pendidikan khas inklusif inklusif inklusif, 2014. *Maklumat Pendidikan khas inklusif inklusif inklusif*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan khas inklusif inklusif inklusif

Jabatan Pendidikan khas inklusif inklusif inklusif. 2013. *Buku Panduan RPI Murid-murid Berkeperluan Khas*. Kuala Lumpur: Unit Kurikulum Program bermasalah pembelajaran inklusif

Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2008. Laman Web Resmi JKMM. <http://www.irc.Malaysia.com/jkm/perkhidmatan-upaya.asp>? [19 Jun 2008],

Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2014. *Risalah*

Jabatan Kebajikan Masyarakat. 1995. *Intervensi Awal dan Perkembangan Awal bagi Murid-murid Khas*. Kuala Terengganu,. Terengganu. 21-23 Jun.

Jane, R. & Lewis, L. 2003. *Qualitative research practice: A guide social science students and researchs*. London:Sage publication.

Yitzchak, V., liana, F., Rene, S., & Alan, A. 2007. Retrospective evaluation of an intensive method of treatment for children with pervasive development disorder. *Austism: The International Journal of Research and Practices* 11 (5):413-424

Yusnita Asman 2000. Yusnita Asman. 2001. *Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan Murid-murid bermasalah penglibatan*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaid Al-Shammari. 2008. The Extent Of Parental Involvement in Improving Students' Levels in Special Education Programs in Kuwait. *International Journal Of Special Education* 23(1):31-37.

Zaidman-Zait, A. & Jamieson, J.R. 2007. Providing web-based support for families of infants and young children with established disabilities. *Infants and Young Children* 20(1):11-25.